

## Menjejaki Warisan Tengkolok, Tanjak Dan Destar Menerusi Kaedah Sejarah Lisan

Muhammad Faridzuan Romli  
Muhamad Mustakim Mohd Gapor  
Nordiana Mohd Nordin  
Saiful Farik Mat Yatin

Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### Abstrak:

*Artikel ini berasaskan sumber daripada pembacaan, temubual dan kajian terhadap warisan kesenian pembuatan tengkolok, destar dan tanjak. Tengkolok, tanjak dan destar merupakan perhiasan kepala yang digunakan sebagai penutup kepala oleh orang Melayu pada zaman dahulu. Nama lain selain yang disebut adalah semutar, setangan dan justar. Terdapat lebih 300 jenis perhiasan kepala yang tersebar di serata negeri. Penggunaannya pada zaman ini seringkali dikaitkan dengan majlis-majlis serta adat istiadat istana. Ianya dipakai oleh raja atau sultan di berbagai negeri yang menunjukkan kepentingannya di dalam alam melayu sejak zaman berzaman. Artikel ini juga mengupas dan mengkaji bagaimana cara pembuatannya yang dianggap sangat kreatif dari segi rekabentuk dan rupa bentuknya. Ianya unik dengan pelbagai ciptaan-ciptaan yang diberi nama dan makna yang sangat mendalam. Di dalam setiap rekabentuk dan keseniannya menyimpan pelbagai sejarah. Pemakaian juga diberi perhatian agar ianya terpelihara dari sudut kesenian dan warisannya.*

Kata kunci: Tengkolok, destar, tanjak, perhiasan, hiasan kepala.

### Pengenalan

Sejarah serta warisan merupakan suatu perkara yang sangat penting bagi sesebuah negara dan juga sesebuah tempat. Ianya memberi kita makna sebenar di mana asal sesuatu perkara, adat atau tradisi itu berlaku. Justeru,

pengkajian dan pemerhatian perlu dilakukan supaya ianya dapat dipelihara dan kekal sehingga masa hadapan. Warisan tengkolok, destar dan tanjak merupakan warisan yang penting. Ini kerana tengkolok, destar dan tanjak merupakan sebuah perhiasan kepala yang unik dan menunjukkan identiti dan peradaban Melayu dari zaman dahulu sehingga sekarang. Ianya digunakan di kebanyakan negeri dan dipelihara dengan sangat baik. Jika diamati sejarah perhiasan kepala ini, pada dan bila ia mula digunakan di Tanah Melayu, ianya masih lagi tidak dapat dipastikan. Mengikut Herman Yadi (2018) sejarah penggunaan perhiasan kepala ini adalah pada tahun 1916, dan bagi sesetengah negeri seperti Negeri Sembilan, bila merujuk kepada Salina Abdul Manan et al (2014) ialah pada tahun 1173. Ia dibawa dari Sumatera, Indonesia oleh Tuanku Antah Al Marhum Tuanku Melewar. Nama lain bagi perhiasan kepala selain tiga yang disebut adalah justar, semutar dan setangan.

Perhiasan kepala ini mempunyai 300 ke 1000 jenis yang telah dikenalpasti dan ada yang tidak dapat dikenapasti di negara kita. Terdapat pelbagai nama yang diberikan kepada perhiasan kepala ini mengikut rekabentuknya. Antara nama yang popular adalah seperti Dendam tak Sudah, Mahkota Alam, Cogan daun Kopi dan Bugis tak balik. Nama yang diberi kepada perhiasan kepala ini disertai dengan maknanya. Nama dan makna akan diberi oleh pembuat tengkolok itu sendiri atau sultan sendiri akan memberi nama serta maknanya bagi melambangkan dirinya sebagai seorang pemerintah. Apa yang dimaksudkan adalah setiap perhiasan kepala mempunyai kesesuaianya yang tersendiri kepada si pemakai mengikut rekabentuk serta bentuk wajah. Dalam pelbagai jenis perhiasan kepala ini tidak semuanya masih digunakan. Ada yang masih digunakan dan ada yang sudah tidak digunakan lagi. Ini kerana terdapat beberapa sebab, antaranya menurut Salina Abdul Manan. et al (2014), kemahiran mengikat tengkolok tidak dapat diwarisi dengan baik. Terdapat juga sebab seperti warisan pembuatannya yang tidak dapat diturunkan kerana tukang ikat meninggal dunia sebelum beliau mampu menurunkan kesemua ilmu kemahirannya ataupun rekabentuknya yang tidak menarik menyebabkan ianya ditinggalkan begitu sahaja.

Perhiasan kepala ini mempunyai makna disebalik namanya sebagai contoh Herman Yadi (2018) menyatakan bahawa nama Bugis tak balik adalah simbolik dimana kesedihan orang Bugis kerana tidak dapat pulang ke tanah air sendiri. Perhiasan kepala ini jika dikaji dengan sangat mendalam mempunyai keselarian dengan sejarah Tanah Melayu itu sendiri. Pemakaianannya sehingga ke hari ini menunjukkan ianya dibuat dan dipelihara sebagai sebuah identiti. Terdapat pelbagai jenis perhiasan kepala yang digunakan oleh sultan disetiap negeri mengikut corak, rekabentuk dan rupabentuknya yang tersendiri. Berpandukan Utusan Malaysia (2014), artikel bertajuk “Warisan Yang Semakin Hilang”, Belalai Gajah (tengkolok Sultan Terengganu), Setanjak Balung Raja (Tengkolok Sultan Selangor) dan Ketam Budu (tengkolok Sultan Kelantan). Pemakaian perhiasan kepala ini juga menunjukkan kesetiaan dan kedaultan bangsa Melayu itu sendiri dimana hanya Bangsa Melayu sahaja memakainya dari zaman dahulu sehinggalah sekarang. Herman Yadi (2018) menyatakan pemakaian tanjak ini menerangkan berkenaan alif, ba, dan ta, alif ba dan ta bermaksud agama, bangsa dan tanah orang Melayu. Oleh itu, jika kita memakai perhiasan kepala ini bermaksud kita adalah orang yang beragama Islam yang berbangsa Melayu dan juga tinggal di Tanah Melayu.



Gambar 1: Contoh perhiasan kepala bernama Bugis Tak Balik

### Makna Tengkolok, Destar dan Tanjak

Tengkolok, destar dan tanjak adalah nama-nama perhiasan kepala ini tetapi asal usul nama yang berlainan ini adalah disebabkan beberapa perkara.

Antara perbezaannya adalah mengikut tempat tetapi fungsinya masih lagi sama iaitu sebuah hiasan kepala. Tengkolok jika berpandukan Herman Yadi (2018), ia merujuk kepada perhiasan kepala yang dipakai oleh perempuan. Apa yang dimaksudkan adalah tengkolok merujuk kepada perhiasan kepala bagi perempuan. Kebanyakkan tengkolok bagi perempuan mempunyai rekaannya tersendiri yang juga menunjukkan siapa si pemakai. Tengkolok juga adalah kata umum bagi kesemua perhiasan kepala, jika dilihat kebanyakkan negeri menggunakan nama tengkolok bagi merujuk kepada perhiasan kepala ini. Menurut Salina Abdul Manan. et al (2014), tengkolok terbahagi kepada dua iaitu tengkolok lelaki dan wanita, Oleh itu jika disimpulkan tengkolok ini merujuk kepada kesemua perhiasan kepala mengikut reka bentuk, bahan dan rupabentuknya.

Nama destar pula adalah asalnya dari Negeri Sembilan iaitu Deta. Merujuk kepada Salina Abdul Manan. et al (2014) Destar adalah perkataan yang berasal dari Bahasa Parsi yang membawa maksud ‘kain kepala’. Destar atau deta ini digunakan khusus dipanggil oleh orang Negeri Sembilan. Menurut Herman Yadi (2018), nama sebenar Destar adalah Deta. Tetapi apabila ia sudah dipanggil begitu lama, namanya sudah berubah menjadi Destar daripada Deta. Destar serta perhiasan kepala lain tidak mempunyai beza yang jauh, rekabentuk serta rupabentuknya masih lagi sama dan tidak berbeza.

Tanjak pula adalah nama bagi perhiasan kepala ini yang merujuk kepada perhiasan kepala yang khusus untuk lelaki, tanjak hanya untuk lelaki yang boleh diletak yang hanya dipakai oleh lelaki Herman Yadi (2018). Nama tanjak digunakan di beberapa buah negeri seperti Pahang dan Perak. Pembuatan tanjak jugak mempunyai caranya yang sendiri. Tertib serta pantang larang juga kebanyakkan digunakan didalam pembuatan tanjak.

Dapat disimpulkan bahawa nama perhiasan kepala ini walaupun berbeza-beza mempunyai fungsi yang sama iaitu sebagai hiasan kepala. Sebagaimana nama-nama lain yang dipanggil seperti semutar, justar dan setangan mempunyai makna atau merujuk pada benda yang sama iaitu hiasan kepala. Nama-nama yang berlainan ini mengikut negeri atau panggilan

kebiasaan yang digunakan oleh orang melayu pada zaman dahulu seperti destar yang kata dasarnya adalah deta menjadi destar kerana perubahan zaman serta bahasa.

### Pemakaian

Pemakaian perhiasan kepala ini adalah sangat dititikberatkan. Hal ini kerana pemakaian perhiasan kepala ini merupakan sesuatu yang melambangkan bangsa melayu, adab, adat serta agama. Justeru itu pemakaiannya haruslah mengikut ketepatan yang telah ditetapkan tanpa melanggarnya. Herman Yazid (2018) menyatakan perlulah berpakaian sopan dan menutup aurat.

Jika dirujuk pada zaman dahulu, pemakaian perhiasan kepala ini perlulah dipakai dengan sepersalinan baju Melayu atau busana Melayu tradisional iaitu lengkap dengan baju melayu, kain samping keris dan capal. Hal ini kerana perhiasan kepala menjadi pelengkap kepada pakaian tersebut. Terdapat beberapa perkara yang perlu dititikberatkan didalam pemakaian perhiasan kepala ini. Berpandukan Herman Yazid (2018) pemakaian tanjak tidak boleh sama di antara sultan dan rakyat, apa yang dimaksudkan adalah dari segi rekabentuk nya. Bagi membezakan sultan dan rakyat rekabentuk perhiasan kepala ini tidak boleh sama sebagai contoh karangan perhiasan kepala sultan akan menghadap ke arah kanan dan rakyat perlulah memakai menghadap ke arah kiri. Perbezaan ini juga menunjukkan bahawa rakyat hormat dan setia kepada sultan. Terdapat juga pemakaian perhiasan kepala yang dilarang dipakai atas sebab seperti sultan yang dibunuh tanpa tahu punca sehingga selesai barulah boleh dipakai kembali

Dari segi penggunaan corak dan warna pula terdapat beberapa perbezaan yang perlu dielakkan di antaranya mengikut Utusan Malaysia (2014), artikel bertajuk “Warisan Yang Semakin Hilang”, warna putih dan kuning hanya untuk sultan. Ini bermaksud rakyat biasa tidaklah dibolehkan memakai warna yang sama dengan warna yang telah ditetapkan bagi menunjukkan dengan lebih lagi perbezaan sultan dan rakyat biasa. Dari segi warna juga Herman Yazid

(2018) menjelaskan bahawa tidak dibolehkan memakai sedondon dari bawah hingga atas. Apa yang dimaksudkan adalah warna yang sama dari segi perhiasan kepala, pakaian dan sampin. Pemakaian ini tidak dibolehkan dan seharusnya memakai dengan warna yang berlainan diantara perhiasan kepala dan pakaian melayu. Dari segi corak pula, terdapat corak-corak yang dikhaskan untuk dipakai oleh sultan sebagai contoh berpandukan Utusan Malaysia (2018), artikel bertajuk “Warisan Yang Semakin Hilang” corak bunga jong sarat hanya untuk raja yang turut mengenakan corak bunga penuh atau corak teluk berantai.

Pada masa kini, perubahan pakaian dan persalinan merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan. Bagi mengalakkan pemakaian perhiasan kepala ini dibolehkan memakainya tanpa ada persalinan seperti pada zaman dahulu tetapi perlulah menjaga adab dan tertib pemakaian seperti tidak memakai seluar atau baju yang ketat atau menjolok mata. Hal ini kerana berpandukan Sinar Online (2017), dalam artikel bertajuk “Martabat Tengkolok Dihina”, memakai pakaian yang langsung tidak sesuai menunjukkan martabat tengkolok itu direndahkan atau secara kasarnya dihina. Seperti yang kita sedia maklum perhiasan kepala ini adalah lambang dan identiti bangsa serta agama, jika kita memakainya tanpa mengira adat dan adab tiada lagi makna nya sebagai apa yang dikatakan warisan.

### **Pembuatan Tengkolok, Tanjak dan Destar.**

Pembuatan perhiasan kepala ini merupakan satu perkara yang memerlukan ketelitian, kesabaran dan ketekunan. Hal ini kerana perhiasan kepala ini adalah suatu seni yang merekabentuk sesuatu sehingga menjadi rekabentuk yang lain. Terdapat beberapa perkara yang perlu memberi perhatian sebelum membuat perhiasan kepala ini yang merupakan suatu perkara yang sangat penting. Herman Yadi (2018) menyatakan untuk membuat tanjak, ia memerlukan minat yang mendalam tanpa ada niat lain dalam mempelajarinya. Hal ini kerana, membuat perhiasan kepala yang unik ini memerlukan kepakaran yang tinggi oleh kerana pengarang, penyolek atau penakuk perhiasan kepala ini perlu memahami terlebih dahulu apa itu “titisan terimba” supaya kesenian dan makna perhiasan kepala ini tidak hilang.

Titisan terimba mengikut Herman Yadi (2018) merupakan sanad atau susur galur kembangan-kembangan dimulai dengan ibu tanjak. Untuk memahami dengan lebih mudah titisan terimba merupakan satu peringkat rekabentuk ke peringkat rekabentuk yang lain. Ibu tanjak merupakan karangan yang pertama yang terlebih dahulu dibuat sebelum merekabentuk tengkolok yang lain, Sebagai contoh ibu tanjak adalah “takur tukang besi” selepas sahaja selesai membuat perhiasan kepala tersebut baru dapat membentuk tengkolok yang kedua iaitu “Nakhoda terung” dan seterusnya. Peringkat demi peringkat ini menunjukkan bahawa seni perhiasan kepala diwarisi, diperlihara serta diperbaharui tanpa mengubah fungsinya yang asal.

Rekabentuk merujuk kepada rupa bentuk perhiasan kepala ini dan kepentingan tidak mengubahnya. Seperti yang kita sedia maklum perhiasan kepala ini merupakan warisan zaman-berzaman yang merupakan sebuah identiti melayu itu sendiri, oleh itu untuk membuat perhiasan kepala ini perlulah dipelihara dari mengubah atau merubah bentuk serta rupa asalnya demi mengikut arus fesyen, pemakaian tengkolok tidak boleh digunakan atau dikotemporarikan untuk perkembangan fesyen arus moden, Sinar Online (2017), artikel bertajuk “Tengkolok Pakaian Penting Melayu”. Justeru itu pengarang atau penyolek tanjak tidaklah dibolehkan mengubahnya berikutan ianya merupakan warisan melayu.

### Bahan dan Proses

Dalam membuat perhiasan kepala ini terdapat bahan-bahan yang secara umumnya digunakan oleh semua negeri pada masa kini. Antara bahan-bahan yang perlu diadakan bagi membuat perhiasan kepala ini adalah seperti Kain, jarum, benang, gunting dan peniti. Kegunaan bahan-bahan ini adalah bagi memperkemas kan sesebuah perhiasan kepala ini. Bahan yang utama iaitu kain mempunyai pelbagai jenis, antaranya adalah Kain songket, telepuk, batik, kain sampin, dan kain tekap. Terdapat juga kain yang digunakan bagi menguatkan lipatan-lipatan pada perhiasan kepala ini iaitu Kain pelapik tanpa gam atau kain pengeras yang dijahit atau dilekat bersama-sama kain-kain utama tersebut. Terdapat beberapa larangan dan adat terdahulu dalam pemilihan warna kain

tersebut. Berpandukan Utusan Malaysia (2014), artikel bertajuk “Warisan Yang Semakin Hilang”, warna putih dan kuning hanya untuk sultan sahaja serta corak bunga jong sarat hanya untuk raja. Justeru, rakyat biasa tidaklah boleh memakai warna putih dan kuning.

Bagi proses membuatnya pula terdapat tertib dan penyediaan sebelum melakukan proses lipatan tersebut. Herman Yadi (2018) menyatakan tertib bagi membuat tanjak adalah perlu bersih serta berwudhuk, ini kerana tengkolok, tanjak dan destar diletakkan di kepala. Terdapat juga cara duduk yang perlu diikuti iaitu perlunya bersila semasa membuat tapak dan duduk antara dua sujud selepasnya. Penyediaan nya pula adalah kain utama seperti songket, sampin dan telepuk perlulah dijadikan berbentuk segi tiga mengikut ukuran tertentu. Salina Abdul Manan. et al (2014), menyatakan kain songket mengikut ukuran saiz tertentu iaitu 33 inci x 33 inci, 34 inci x 34 inci dan 36 inci x 36 inci mengikut saiz kepala si pemakai. Selepas dijadikan segi tiga dengan ukuran yang betul kain pengeras atau kain pelapik tanpa gam dilapiskan dengan kain utama dan dijahit. Herman Yazid (2018) menjelaskan pada zaman dahulu kanji digunakan bagi mengeraskan kain dengan cara direndam dan dijemur. Tertib dan penyediaan perlulah dilakukan kerana ianya merangkumi adat, adab dan peraturan.

Bagi proses membuat atau melipat terdapat langkah-langkah atau asas-asas yang perlu diikuti oleh pengarang, penyolek dan penakuk perhiasan kepala ini agar bentuknya menjadi dan kemas. Berpandukan Herman Yazid (2018) terdapat lima asas iaitu tapak, bengkung, karangan dan kembangan. Langkah pertama adalah tapak. Tapak merupakan kain yang dibentuk menjadi segi tiga yang dilapisi dengan kain pengeras atau pelapik tanpa gam. Tujuannya adalah bagi menjadikan kain keras dan tidak lari apabila melakukan proses lipatan. Langkah yang kedua adalah bengkung. Herman Yazid (2018) menyatakan bengkung dilipat dan diukur menggunakan tiga jari dari hujung ke tengah kain bagi mendapat ukuran yang sama. Selepas selesai membuat atau melipat bengkung langkah yang ketiga adalah simpulan. Simpulan merupakan ikatan yang mempunyai bentuknya tersendiri seperti bentuk Ketupat palas, garam

sebuku dan ketupat makassar. Untuk mengikat simpulan dan juga bagi memastikan saiznya tepat dengan kepala perhiasan kepala ini diletakkan di lutut dan di ikat. Langkah yang terakhir adalah karangan. Karangan merupakan bentuk hadapan perhiasan kepala ini dimana daripada karangan inilah kembangan-kembangan rekabentuk perhiasan kepala ini terserah yang mengikut “titisan terimba” itu.

### **Pengarang dan peniru**

Membuat perhiasan kepala ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Ia memerlukan asas ilmu yang cukup dan kemahiran yang tinggi. Hal ini kerana setiap rekabentuk mempunyai keunikan dan maknanya yang tersendiri. Ianya juga menyimpan sejarah-sejarah tertentu. Oleh itu, demi menjaga warisan ini perlulah berguru. Berguru membezakan pengarang dan peniru perhiasan kepala tersebut. Berguru bermaksud menimba segala ilmu dari segi kemahiran dan maknanya.

Perbuatan meniru dalam pembuatan perhiasan kepala ini adalah dilarang sama sekali. Hal ini disebakan jika hanya meniru diibaratkan mencipta sesuatu tanpa tahu tujuan ciptaan tersebut. Perbuatan meniru juga boleh menjelaskan seni warisan ini dimana Herman Yazid (2018) menjelaskan perbuatan meniru tanjak boleh menjadikan tanjak itu tidak bermakna atau salah rekabentuknya. Perbuatan meniru juga dikhuatiri akan membuat perhiasan kepala ini tidak lagi bermakna dan bernilai sebagai sebuah lambang kedaulatan negara dan bangsa. Justeru itu, berguru adalah sesuatu yang perlu dan wajib bagi orang yang ingin mempelajari seni warisan ini agar generasi akan datang mendapat ilmu yang betul.

### **Kesimpulan**

Tengkolok, tanjak dan destar ini merupakan sebuah warisan yang sangat penting bagi negara kita. Ia menunjukkan bahawa bangsa melayu mempunyai pemakaianya yang tersendiri pada zaman dahulu. Jika dilihat ianya menyimpan pelbagai sejarah dan kisah. Pemakaianya pada masa kini masih lagi digunakan oleh Sultan dan raja negara kita dan menunjukkan ianya juga

menjadi suatu simbol kedaulatan dan kekuatan negara kita. Perhiasan kepala ini juga menunjukkan bahawa bangsa kita mempunyai kreativitinya yang tersendiri dimana rekabentuknya dan maknanya sangat indah dan dengan disiplin ilmu yang tinggi. Sebagai contoh menurut Utusan Malaysia (2017), artikel bertajuk “Warisan Yang Semakin Hilang”, pereka mencipta tengkolok melalui unsur alam sekitar sama ada berdasarkan flora dan fauna maupun abstrak. Jika dilihat pada zaman sekarang pengunaannya tersangatlah kurang seperti hanya pada adat istiadat istana sahaja. Majlis-majlis seperti adat perkahwinan juga sudah kurang digunakan dimana bangsa kita sendiri memilih untuk berpakaian barat yang mereka lebih cantik dan sesuai digunakan pada zaman ini. Perkara seperti ini harus dielakkan. Kita haruslah mempopularkan kembali perhiasan serta persalinan melayu agar ianya tidak hilang ditelan zaman. Pada zaman moden ini generasi muda perlu disedarkan kembali akan kepentingan-kepentingan warisan melayu termasuk perhiasan kepala ini agar generasi akan datang tidak hanya sekadar melihat tapi tidak mengetahui apa itu tengkolok, destar, tanjak dan sebagainya. Diharapkan kita mampu sedar dan tidak terus lena di dalam arus kemodenan sehingga melupakan warisan kita sendiri. Pada masa kini jugak berbagai pihak cuba mengembalikan kembali segala warisan-warisan melayu yang dahulu supaya dapat mananam semangat cintakan tanah air dan bangsa.

## Rujukan

- Mohd Herman Yadi. (2018, Oktober 31). Temubual Berkenaan “Warisan Tengkolok, Tanjak dan Destar”
- Salina Abdul Manan, Hamdzun Haron, Zuliskandar Ramli, Noor Hafiza Ismail, Norlelawaty Haron, Rohaizat Abdul Wahab,. . . , Azni Hanim Hamzah. (2014). Destar Warisan Negeri Sembilan Darul Khusus. Arkeologi Sejarah dan Budaya. 216-221.
- Salina Abdul Manan, Hamdzun Haron, Zuliskandar Ramli, Noor Hafiza Ismail, Norasid Majid. (2014). Seni Mengikat Tengkolok Warisan Perak Darul Ridzuan: 1st International Conference on Creative Media, Design and Technology.

Salina Abdul Manan, Hamdzun Haron, Zuliskandar Ramli, Noor Hafiza Ismail, Norlelawaty Bt Haron, Ahmad Helmi Bin Mohd Mukhtar, . . . , Hasnira Hassan. (2014). Keindahan Tengkolok Warisan Kesultanan Perak Darul Ridzuan: Proceeding of the Social Science Research, Sabah (pp. 748 – 754)

Mariatul Qatiah Zakaria. (2014, ogos 8). Warisan Yang Semakin Hilang. Utusan Malaysia, pp. 1,2,3.

Fairuz Jumain, Jannatul Firdaus. (2017, oktober 17). Tengkolok Pakaian Penting Melayu. Sinar Online, Retrieved from [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my).

Fairuz Jumain, Jannatus Firdaus. (2017, oktober 2017). Martabat Tengkolok Dihina. Sinar Online. Retrieved from [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my).